

Tun M sambut ulang tahun ke-99

PETALING JAYA: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad menyambut ulang tahun kelahiran yang ke-99 semalam.

Beliau yang pernah dua kali menjadi Perdana Menteri dilahirkan pada 10 Julai 1925 di Kampung Seberang Perak, Alor Setar, Kedah.

Dr. Mahathir dilantik menjadi Perdana Menteri Malaysia keempat pada 16 Julai 1981 dan beliau adalah Perdana Menteri paling lama mentadbir negara iaitu selama 22 tahun.

Pada 2018, setelah gabungan politiknya memenangi Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14), beliau kemudian dilantik sebagai Perdana Menteri ketujuh.

Terdahulu, pengguna media sosial tidak melepaskan peluang mengucapkan ucapan selamat hari jadi kepada negarawan itu dalam platform masing-masing dan mendoakan Dr. Mahathir agar diberikan kesihatan berpanjangan.

Malah ada juga mahu Dr. Mahathir berkongsi tips kesihatan apabila beliau dilihat kekal bertenaga dan sihat walaupun usia mencecah hampir 100 tahun.

Sebelum ini, beliau mengakui tidak makan berlebihan untuk kekal cergas dan sihat.

“Makan untuk hidup bukan hidup untuk makan. Apabila makanan itu sedap adalah lebih baik berhenti makan...ini



MAHATHIR MOHAMAD

nasihat arwah ibu saya.

“Elakkan makanan banyak lemak, gula dan karbohidrat... mungkin susah untuk kita buat tetapi kita kena disiplinkan diri,” katanya kepada peserta sesi dialog Sidang Kemuncak Perniagaan dan Pelaburan ASEAN 2019 (ABIS) di Pusat Konvensyen dan Pameran IMPACT, Bangkok, lima tahun lalu.

Dari bangku sekolah hingga sekarang, Dr. Mahathir aktif menulis, sama ada artikel, surat kepada editor, buku, dan terkini, blog (blog beliau adalah www.chedet.cc).

Negarawan itu juga gemar membaca dan dalam usia lebih 90 tahun kini, masih giat membaca buku-buku fiksiyen serta bukan fiksiyen. Penulis kegemaran beliau termasuk Wilbur Smith, Dick Francis dan Ken Follett. Beliau juga gemar menunggang kuda.